

Media Title : Harian Metro  
Headline : Pelajar universiti rugi RM68,850 diperdaya sindiket phone scam  
Date : 4 September 2025  
Section : Lokal  
Page : 6



# Pelajar universiti rugi RM68,850 diperdaya sindiket phone scam

**Pekan:** Seorang pelajar universiti kerugian RM68,850 diperdaya sindiket *phone scam* yang menyamar kakitangan syarikat penghantaran barang dan pegawai polis.

Ketua Polis Daerah Pekan Superintendant Mohd Zaidi Mat Zin berkata, wanita berusia 20-an itu menerima panggilan telefon daripada lelaki menyamar kakitangan syarikat penghantaran barang pada 26 Ogos lalu.

Katanya, panggilan itu kemudiannya disambungkan kepada pegawai polis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen

(IPK) Perak mendakwa mangsa terbabit dalam sindiket pengubahan wang haram.

“Akibat takut, mangsa mengikuti segala permintaan dengan memindahkan wang miliknya kepada lima akaun bank seperti yang diarahkan suspek.

“Mangsa mula mengesyaki ditipu selepas dikehendaki membuat bayaran tambahan. Jumlah keseluruhan RM68,850 yang juga wang simpanan mangsa.

“Kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,” katanya dalam kenyataan semalam.